



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KESEDIAAN PESAWAH DI KAWASAN PERTANIAN LEMBAGA
KEMAJUAN PERTANIAN MUDA UNTUK MENCARUM DALAM SKIM
JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL***

MOHAMAD NOOR FIRDAUS BIN SAHUL HAMEED

FEM 2021 11



**KESEDIAAN PESAWAH DI KAWASAN PERTANIAN LEMBAGA
KEMAJUAN PERTANIAN MUDA UNTUK MENCARUM DALAM SKIM
JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL**

Oleh

MOHAMAD NOOR FIRDAUS BIN SAHUL HAMEED

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Jun 2021

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**KESEDIAAN PESAWAH DI KAWASAN PERTANIAN LEMBAGA
KEMAJUAN PERTANIAN MUDA UNTUK MENCARUM DALAM SKIM
JARINGAN KESELAMATAN SOSIAL**

Oleh

MOHAMAD NOOR FIRDAUS BIN SAHUL HAMEED

Jun 2021

Pengerusi : Profesor Madya Nobaya binti Ahmad, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Kajian ini bertujuan meneliti kesediaan pesawah untuk mencarum dalam Skim Jaringan Keselamatan Sosial (SJKS) sekiranya lima (5) keperluan berdasarkan Teori Maslow telah dipenuhi dalam kehidupan pesawah. Kajian ini dilaksanakan di kawasan Lembaga Kemajuan Pertana Muda (MADA). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan teknik survei dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Kajian ini melibatkan seramai 500 pesawah dan dilaksanakan di lima Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di MADA. Pengumpulan data bagi kajian ini adalah melalui borang soal selidik. Kajian ini menggunakan teknik persampelan rawak berperingkat (*multi stage random sampling*) iaitu gabungan persampelan rawak mudah dan persampelan rawak sistematik. Data yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Objektif khusus kajian ialah (1) mengenalpasti tahap kesediaan pesawah untuk mencarum dalam SJKS, (2) mengenalpasti hubungan keperluan berdasarkan Teori Maslow dengan kesediaan pesawah untuk mencarum dalam SJKS, (3) Mengenalpasti perkaitan antara latar belakang sosiodemografi terpilih (jantina, umur dan pendapatan isi rumah) dengan kesediaan pesawah untuk mencarum dalam SJKS dan (4) mengenalpasti bentuk SJKS yang diperlukan oleh pesawah.

Dapatan kajian menunjukkan menunjukkan bahawa tahap kesediaan pesawah untuk mencarum dalam SJKS adalah sederhana kerana pesawah kurang maklumat mengenai keselamatan sosial daripada pihak Kerajaan dan MADA. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat perhubungan yang signifikan antara 5 keperluan pesawah berdasarkan Teori Maslow dengan kesediaan pesawah untuk mencarum dalam SJKS. Dalam masa yang sama, seramai 76.4% pesawah juga menyatakan terdapat keperluan untuk mereka mencarum dalam SJKS. Dari segi aspek sosiodemografi (jantina, umur dan

pendapatan isi rumah), kajian ini mendapati bahawa tiada perhubungan yang signifikan dan ini membuktikan bahawa aspek sosiodemografi tidak mempengaruhi pesawah untuk mencarum dalam SJKS. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa pesawah memerlukan sebuah skim yang mempunyai nilai caruman fleksibel berdasarkan pendapatan mereka dan ditakbir urus oleh komuniti pesawah sendiri. Skim tersebut juga perlu melindungi pesawah dari aspek kesihatan, tanaman dan peralatan sawah.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

THE READINESS OF THE PADDY FARMERS IN MUDA AGRICULTURE DEVELOPMENT AUTHORITY TO CONTRIBUTE IN THE SOCIAL SAFETY NET SCHEME

By

MOHAMAD NOOR FIRDAUS BIN SAHUL HAMEED

June 2021

Chairman : Associate Professor Nobaya binti Ahmad, PhD
Faculty : Human Ecology

This study aims to examine the readiness of farmers to contribute to the Social Security Scheme (SJKS) if their needs in the life according to Maslow Theory are fulfilled. This study was conducted in the Muda Agricultural Development Authority (MADA). This study uses quantitative approaches and survey techniques using descriptive and inferential analysis. This study involved a total of 500 farmers and was implemented in five Area Farmers Organizations (PPK) in MADA. Data collection for this study is through questionnaires form. This study use multi stage random sampling technique which is a combination of simple random sampling and systematic random sampling. Data obtained from the questionnaire were analyzed using SPSS software. The specific objectives of the study are (1) to identify the level of willingness of farmers to contribute in SJKS, (2) to identify the relationship between the needs according to Maslow Theory with the willingness of farmers to contribute in SJKS, (3) To identify the relationship between selected sociodemography backgrounds (gender, age and household income) with the willingness of farmers to contribute in SJKS and (4) identify the form of SJKS required by farmers.

The results show that the level of readiness of farmers to contribute in SJKS is moderate because lack of informations about social protection from the Government and MADA. The findings of the study indicate a significant relationship between the needs of farmers and their willingness to contribute in SJKS. At the same time, 76.4% farmers also stated that there is a need for them to contribute in SJKS. In terms of sociodemographic aspects (gender, age and household income), this study found that there is no significant relationship and this proves that the demographic aspect does not influence farmers to contribute in SJKS. In addition, this study also examines the forms of SJKS that are suitable to be introduced to farmers. In addition, the results of the study also show that

farmers need a scheme that has a flexible contribution value based on their income and is managed by the farmer community itself. The scheme should also protect farmers from health aspects, crops and field equipment.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan berkat dan rahmatNya dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Nobaya binti Ahmad selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan yang telah banyak memberi panduan, tunjuk ajar dan nasihat dalam menyiapkan tesis ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Dr. Amna binti Mohd Noor selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan di atas cadangan dan nasihat serta kritikan membina yang telah diberikan sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah Fakulti Ekologi Manusia yang banyak membantu saya terutamanya dalam buat menganalisis data kajian. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada keluarga yang banyak memberi galakan dan dorongan bagi saya menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan rakan-rakan seperjuangan yang bersama-sama berkongsi ilmu untuk melengkapkan tesis ini. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung disepanjang saya menyiapkan kajian ini. Akhir kata, terima kasih saya ucapkan kepada semua dan sokongan serta dorongan anda selama ini amat saya hargai.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Nobaya binti Ahmad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Amna binti Mohd. Noor, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 November 2021

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

Nama dan No. Matrik : Mohamad Noor Firdaus bin Sahul Hameed, GS46532

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor Madya Dr. Nobaya binti Ahmad

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Amna binti Mohd. Noor

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar belakang	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.4.1 Objektif Umum	6
1.4.2 Objektif Khusus	7
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Hipotesis Kajian	7
1.7 Skop Kajian	8
1.8 Limitasi Kajian	8
1.9 Definisi Konseptual dan Operasional	9
1.9.1 Keperluan Fisiologi (<i>Physiological needs</i>)	9
1.9.2 Keperluan Keselamatan (<i>Security needs</i>)	9
1.9.3 Keperluan Sosial (<i>Social needs</i>)	10
1.9.4 Keperluan Penghargaan (<i>Esteem needs</i>)	10
1.9.5 Keperluan Pencapaian Diri (<i>Self-actualizing needs</i>)	11
1.10 Rumusan	11
2 SOROTAN LITERATUR	12
2.1 Pengenalan	12
2.2 Skim Jaringan Keselamatan Sosial (SJKS)	12
2.2.1 Keselamatan Sosial (<i>Social Security</i>)	14
2.2.2 Insurans Sosial (<i>Social Insurance</i>)	14
2.2.3 Jaringan Keselamatan Sosial (<i>Social Safety Net</i>)	15
2.3 Model SJKS di Malaysia	16
2.3.1 Model KWSP	17
2.3.2 Model SSP1M	17
2.3.3 Model PRS	18
2.3.4 Model PERKESO	19
2.4 Model SJKS di Luar Negara	19

	2.4.1	Model SJKS di India	19
	2.4.2	Model SJKS di Thailand	21
	2.4.3	Model SJKS di China	22
	2.5	Pekerja Sektor Tidak Formal	23
	2.6	Keselamatan Sosial Dalam Sektor Pertanian	24
	2.7	Komuniti Pesawah di Malaysia	26
	2.8	Komuniti Pesawah di Luar Negara	27
	2.9	Teori Kajian	29
	2.9.1	Teori Maslow	29
	2.10	Penggunaan Teori Maslow Dalam Konteks Pembangunan Komuniti	35
	2.11	Kerangka Teoritikal Kajian	36
	2.12	Kerangka Konseptual Kajian	37
	2.13	Rumusan	38
3		METODOLOGI KAJIAN	39
	3.1	Pengenalan	39
	3.2	Reka Bentuk Kajian	39
	3.3	Populasi dan Kaedah Persampelan	39
	3.4	Penetapan Saiz Persampelan	41
	3.5	Pengumpulan Data	42
	3.6	Pembinaan Instrumen Borang Soal Selidik	43
	3.6.1	Maklumat Sociodemografi	43
	3.6.2	Maklumat Keperluan Fisiologi	44
	3.6.3	Maklumat Keperluan Keselamatan	44
	3.6.4	Maklumat Keperluan Sosial	45
	3.6.5	Maklumat Keperluan Penghargaan	45
	3.6.6	Maklumat Keperluan Pencapaian Diri	46
	3.6.7	Maklumat Bentuk SJKS	46
	3.6.8	Maklumat Tahap Kesediaan Mencarum	46
	3.6.9	Maklumat Tambahan Mengenai SJKS	47
	3.6.10	Ringkasan Pengukuran Pemboleh Ubah	47
	3.7	Kajian Rintis	49
	3.8	Ujian Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen	49
	3.9	Kesahan Kandungan dan Konstruk	50
	3.9.1	Analisis Faktor (<i>Factor Analysis</i>)	50
	3.9.2	Analisis Penerokaan Faktor (<i>Exploratory Factor Analysis</i>)	50
	3.9.3	EFA Ke Atas Konstruk Fisiologi, Keselamatan, Sosial, Penghargaan dan Pencapaian Diri	51
	3.10	Analisis Penerokaan Data	52
	3.10.1	Ujian Kenormalan (<i>Normality Test</i>)	52
	3.10.2	Ujian <i>Homoscedasticity</i>	53
	3.10.3	Ujian Hubungan Linear (<i>Linearity Test</i>)	54
	3.10.4	Ujian <i>Multicollinearity</i>	54
	3.10.5	Ujian <i>Outliers</i>	55
	3.11	Analisis Data	55
	3.11.1	Statistik Deskriptif	55
	3.11.2	Pengukuran Tahap Kesediaan	55

3.11.3	Statistik Inferensi	56
3.11.4	Ujian-t Sampel Bebas dan ANOVA Sehalu	56
3.11.5	Analisis Korelasi Pearson	57
3.11.6	Ringkasan Analisis Statistik	57
3.12	Rumusan	58
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	59
4.1	Pengenalan	59
4.2	Maklumat Latar Belakang Responden	59
4.2.1	Jantina, Bangsa dan Umur Pesawah	59
4.2.2	Status Perkahwinan, Tahap Pendidikan dan Bilangan Isi Rumah Pesawah	60
4.2.3	Anggaran Pendapatan Bulanan Responden dan Kemampuan Minimum Caruman	61
4.2.4	Anggaran Pendapatan Isi Rumah Sebulan dan Pekerjaan Isi Rumah	61
4.2.5	Perbelanjaan Utama Isi Rumah	63
4.2.6	Pemilikan Aset, Menerima Bantuan Sosial dan Mencarum Dalam Perlindungan Sedia Ada	64
4.2.7	Keperluan Untuk Mencarum Dalam Skim Keselamatan Sosial	66
4.3	Keperluan Fisiologi	66
4.4	Keperluan Keselamatan	67
4.5	Keperluan Sosial	68
4.6	Keperluan Penghargaan	68
4.7	Keperluan Pencapaian Diri	69
4.8	Bentuk SJKS Yang Sesuai Kepada Pesawah	70
4.9	Tahap Kesediaan Pesawah Untuk Mencarum	71
4.10	Maklumat Tambahan Mengenai SJKS	72
4.10.1	Masalah-masalah lain yang menghalang pesawah daripada mencarum	72
4.10.2	Cadangan Tambahan	73
4.11	Mengenalpasti Tahap Kesediaan Pesawah Untuk Mencarum Dalam SJKS	74
4.12	Mengenalpasti Hubungan Diantara Keperluan Berdasarkan Teori Maslow Dengan Kesediaan Pesawah Untuk Mencarum Dalam SJKS	75
4.13	Mengenalpasti Perbezaan Diantara Latar Belakang Sosiodemografi Terpilih (Jantina, Umur Dan Pendapatan Isi Rumah) Dengan Kesediaan Pesawah Untuk Mencarum Dalam SJKS	76
4.14	Mengenalpasti Bentuk SJKS Yang Diperlukan Oleh Pesawah	79
4.15	Ringkasan Hipotesis	80
4.16	Perbincangan	80
4.17	Rumusan	85

5	KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	86
5.1	Pengenalan	86
5.2	Ringkasan Kajian	86
5.3	Kesimpulan	87
5.3.1	Mengenalpasti Tahap Kesediaan Pesawah Untuk Mencarum Dalam SJKS	87
5.3.2	Mengenalpasti Hubungan Diantara Keperluan Berdasarkan Teori Maslow Dengan Kesediaan Pesawah Untuk Mencarum Dalam SJKS	88
5.3.3	Mengenalpasti Perbezaan Diantara Latar Belakang Sosiodemografi Terpilih (Umur, Jantina dan Pendapatan Isi Rumah) Dengan Kesediaan Pesawah Untuk Mencarum Dalam SJKS	88
5.3.4	Mengenalpasti Bentuk SJKS yang diperlukan oleh pesawah	90
5.3.5	Maklumat Tambahan	90
5.3.6	Masalah-Masalah Lain Yang Menghalang Pesawah Daripada Mencarum	90
5.3.7	Cadangan Tambahan	91
5.4	Implikasi Kajian	91
5.4.1	Implikasi Terhadap Dasar dan Kerajaan	91
5.4.2	Implikasi Terhadap Penyelidikan	92
5.4.3	Implikasi Terhadap Pesawah	93
5.5	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	93
6	BIBLIOGRAFI	94
	LAMPIRAN	106
	BIODATA PELAJAR	133
	SENARAI PENERBITAN	134

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Saiz Sampel	41
3.2 Kadar Respon	43
3.3 Maklumat Kandungan Borang Soal Selidik	43
3.4 Ringkasan Pengukuran	48
3.5 Keputusan Ujian Kebolehpercayaan	50
3.6 KMO dan Barlett's Test ke atas Tujuh konstruk	51
3.7 Nilai <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	53
3.8 Ujian <i>Kolmogaro-Smirvav</i> dan <i>Shapiro-Wilk's</i>	53
3.9 Nilai TI dan VIF	54
3.10 Jadual <i>Outliers</i>	55
3.11 Formula Pengiraan <i>Possible Total Score</i>	56
3.12 Penetapan Pengukuran Tahap Kesiediaan Pesawah Untuk Mencarum Dalam SJKS	56
3.13 Interpretasi Nilai Korelasi Berdasarkan Skala Davies	57
3.14 Ringkasan Analisis Statistik	57
4.1 Jantina, Bangsa dan Umur Respondan (N=500)	60
4.2 Status Perkahwinan, Tahap Pendidikan dan Bilangan Isi	60
4.3 Anggaran Pendapatan Bulanan Respondan dan Kemampuan Minimum Mencarum (N=500)	61
4.4 Pekerjaan Isi Rumah	62
4.5 Pendapatan Suami, Isteri dan Keseluruhan Isi Rumah	62
4.6 Perbelanjaan Utama Isi Rumah	63
4.7 Pemilikan Aset, Menerima Bantuan Sosial dan Mencarum Dalam Perlindungan Sedia ada	65

4.8	Keperluan Untuk Mencarum Dalam Skim Keselamatan Sosial	66
4.9	Maklum Balas Responden Mengenai Keperluan Fisiologi (N=500)	67
4.10	Maklum Balas Responden Mengenai Keperluan Keselamatan (N=500)	67
4.11	Maklum Balas Responden Mengenai Keperluan Sosial (N=500)	68
4.12	Maklum Balas Responden Mengenai Keperluan Penghargaan	69
4.13	Maklum Balas Responden Mengenai Keperluan Pencapaian Diri	70
4.14	Maklum Balas Responden Mengenai Bentuk SJKS Yang Sesuai Kepada Pesawah	71
4.15	Maklum Balas Responden Mengenai Tahap Kesiediaan Pesawah Untuk Mencarum	72
4.16	Tahap Kesiediaan Pesawah Untuk Mencarum	75
4.17	Ujian Korelasi Diantara Kesiediaan Pesawah Untuk Mencarum Dengan Keperluan Berdasarkan Teori Maslow	76
4.18	Perbezaan Kesiediaan Mencarum Mengikut Jantina	77
4.19	Perbezaan Kesiediaan Untuk Mencarum Mengikut Umur	78
4.20	Perbezaan Kesiediaan Mencarum Mengikut Kumpulan Pendapatan Isi Rumah Pesawah	79
4.21	Pilihan Bentuk SJKS Mengikut Keutamaan	79
4.22	Ringkasan Keputusan Ujian Hipotesis	80

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
2.1 Teori Abraham Maslow (1954)	35
2.2 Kerangka Teoritikal Kajian	36
2.3 Kerangka Konseptual Kajian	37
3.1 Carta Aliran Kaedah Persampelan Kajian	40



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka surat
A	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	106
B	Borang Soal Selidik	110
C	Kebenaran Menggunakan Borang Soal Selidik	121
D	<i>Analisis Communalities</i>	122
E	<i>Total Variance Explained</i>	124
F	<i>Rotated Component Matrix</i>	125
G	<i>Data Normality Pemboleh Ubah Bebas (Q-Q Plot)</i>	126
H	<i>Keputusan Ujian Homoscedasticity (Scatterplot)</i>	130
I	<i>Data Normality Pemboleh Ubah Bersandar</i>	131
J	<i>Ujian Coefficients</i>	132

SENARAI SINGKATAN

ADB	Asian Development Bank
BOT	Bantuan Orang Tua
BR1M	Bantuan Rakyat 1Malaysia
B40	Isi rumah berpendapatan kurang daripada RM3,166 sebulan
F	Nilai statistik F
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LTAT	Lembaga Tabung Angkatan Tentera
MADA	<i>Muda Agriculture Development Authority</i>
MOA	Kementerian Pertanian dan Inudstri Asas Tani Malaysia
N	Saiz populasi
P	Signifikan statistik
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PRS	<i>Private Retirement Scheme / Skim Pencen Swasta</i>
PPA	Pengurusan Pencen Awam
PMR	Peperiksaan Menengah Rendah
PPK	Pertubuhan Peladang Kawasan
r	Pekali korelasi
RMKe-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
SJKS	Skim Jaringan Keselamatan Sosial
SSP1M	Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia

SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SKSPS	Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri
t	Nilai t
TI	<i>tolerance</i>
UPE,JPM	Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
UPSR	Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah
VIF	<i>variance inflation factor</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar belakang

Pelaksanaan Skim Jaringan Keselamatan Sosial (SJKS) di Malaysia telah mula diperkenalkan sejak zaman pemerintahan British. Walau bagaimanapun, usaha ini hanya memberikan perlindungan kepada pekerja yang mempunyai pendapatan tetap sahaja. Malaysia telah menunjukkan komitmen dalam pemberian keselamatan sosial secara berterusan kepada pekerja dalam semua sektor (Zin, Lee, Rahman, 2001).

Menurut Devereux dan Sabates-wheeler (2004), keselamatan sosial dapat didefinisikan sebagai suatu inisiatif perlindungan kepada mereka yang bekerja dalam sektor formal atau tidak formal, menyediakan suatu bentuk bantuan kewangan kepada mereka yang miskin, memberi perlindungan kepada individu/keluarga daripada risiko menjadi miskin, meningkatkan status sosial individu/keluarga yang terlibat. Perlindungan menyediakan kemudahan asas sosial kepada masyarakat melindungi dari segi kewangan, pendapatan, perumahan, pendidikan dan lain-lain (Mansor, Fakhriana, & Rashid, 2016). Menurut Unni & Rani, (2003), perlindungan merupakan suatu model untuk mengurangkan kadar kemiskinan dalam sesuatu komuniti, ianya merangkumi keselamatan sosial, insuran sosial dan jaringan keselamatan sosial. Secara keseluruhan, fokus keselamatan sosial adalah untuk meningkatkan keupayaan ekonomi individu/keluarga dan mengurangkan risiko mereka untuk menjadi miskin. Selain itu, perlindungan yang merangkumi sistem pencen, insuran kesihatan dan lain-lain perlu diberi keutamaan kerana perlindungan ini mampu memberikan jaminan di masa hadapan (Orbeta, 2011).

Pada masa ini SJKS merupakan satu keperluan kepada mereka yang terlibat dalam sektor pekerjaan. SJKS boleh dianggap sebagai satu kaedah perlindungan yang memberi manfaat apabila di usia tua atau persaraan terutamanya mereka yang terlibat dalam sektor tidak formal. Pada asasnya tujuan SJKS yang dilaksanakan di seluruh dunia adalah untuk mengatasi masalah kemiskinan ketika di usia tua atau persaraan (MacKellar, 2009). SJKS yang terbaik seharusnya dapat membantu menyediakan kemudahan yang mencukupi kepada penerimanya bagi membendung masalah kemiskinan. Sistem yang disediakan juga perlu diselaraskan mengikut kemampuan dan kesesuaian penerima manfaat.

Di Malaysia, SJKS yang berstruktur diperkenalkan dan digunakan sehingga hari ini dengan melibatkan pekerja sektor formal iaitu pekerja sektor Kerajaan dan sektor swasta (Ong & Hamid, 2010). SJKS yang berstruktur bermaksud suatu sistem yang terurus, terbukti dan telah dilaksanakan untuk tempoh masa yang lama bagi menjaga kebajikan pekerja-pekerja dalam sektor berkenaan secara sistematik. Menurut Mustafa & Roslan, (2006), Malaysia memperkenalkan sistem perlindungan berstruktur bagi melindungi kebajikan pekerja sektor Kerajaan dan swasta. Sistem ini juga membantu mengurangkan jurang kemiskinan masyarakat kerana mempunyai pendapatan selepas bersara. Caruman yang dimaksudkan merupakan caruman mandatori seperti sistem pencen, sistem Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Walau bagaimanapun, tiada SJKS secara khusus dengan nilai caruman yang fleksibel diperkenalkan kepada pekerja sektor tidak formal. Sektor tidak formal di Malaysia juga merupakan penyumbang kepada kestabilan ekonomi negara yang perlu diberikan perhatian dan perlindungan yang sewajarnya (Ong & Hamid, 2010) dan (Zaharah Jamaluddin & Yuen Wah, 2013). Selain itu, Malaysia juga menyediakan kemudahan keselamatan sosial kepada pekerja-pekerja di sektor formal (pekerja swasta) yang mengalami kemalangan ketika bekerja melalui PERKESO. PERKESO hanya menyediakan pembayaran sekali sahaja dan ianya merupakan insurans keselamatan pekerja (Zin et al., 2001).

Sektor tidak formal boleh didefinisikan sebagai pekerja yang bekerja dengan sendiri, memiliki perniagaan keluarga secara kecil-kecilan dan pekerja di sektor pertanian (Hu & Stewart, 2009). Menurut Abd Samad & Mansor, (2013) sektor tidak formal terdiri daripada pekerja yang bekerja sendiri seperti peniaga pasar dan kedai, penternak, peladang, nelayan, pesawah dan menerima upah yang sedikit. Selain itu, mereka juga tidak menerima sebarang keselamatan sosial yang khusus. Dapatan kajian Hussmanns, R.; Farhad, (1999) juga menterjemahkan definisi pekerja sektor tidak formal yang hampir sama iaitu terdiri daripada mereka yang bekerja sendiri dan memiliki syarikat kecil dan adakalanya tidak berdaftar. Kebanyakkan mereka membuka perniagaan di kawasan luar bandar untuk menampung kehidupan.

Pekerja-pekerja sektor tidak formal tidak mempunyai keselamatan sosial secara khusus, namun mereka mempunyai pilihan untuk membuat caruman sendiri dengan menggunakan kemudahan keselamatan sosial yang disediakan oleh pihak swasta seperti Skim Pencen Swasta (PRS) yang diperkenalkan pada tahun 2012 dan Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia (SSP1M) yang diperkenalkan pada tahun 2010 (Zabri, Ahmad, & Lian, 2016). Namun, kemudahan yang disediakan oleh pihak swasta ini menetapkan jumlah minimum tertentu untuk caruman (Zaharah et al, 2013). Keselamatan sosial yang menetapkan jumlah caruman dengan nilai yang tertentu mungkin tidak membebaskan pekerja sektor formal tetapi bagi pekerja-pekerja sektor tidak formal penetapan jumlah caruman yang tinggi membebaskan mereka kerana kedudukan kewangan bulanan mereka tidak stabil (Mohd, 2013). Menurut Lim, Sia, & Gan, (2011), jumlah yang ideal untuk simpanan isi rumah daripada

keseluruhan pendapatan bulanan adalah sekurang-kurangnya sebanyak 35% daripada jumlah pendapatan isi rumah.

Masalah utama pekerja sektor tidak formal adalah keupayaan untuk mereka menyediakan peruntukan kewangan dalam jumlah tertentu bagi mencarum dalam SJKS. Sehubungan itu, terdapat keperluan supaya satu SJKS yang khusus disediakan kepada mereka melalui penyelarasan jumlah caruman yang lebih fleksibel (Van Ginneken, 1999). Usaha KWSP untuk menyediakan SSP1M mulai 3 Januari 2010 merupakan satu inisiatif yang sangat baik. Walau bagaimanapun, skim tersebut tidak dapat menarik minat pekerja sektor tidak formal berikutan skim tersebut menetapkan jumlah caruman minimum iaitu sebanyak RM50 sebulan. Penetapan nilai minimum caruman ini mungkin membebankan mereka (Mohd, 2013).

Dalam kajian ini, penyelidik memberikan fokus kepada pesawah yang menjalankan aktiviti penanaman padi di kawasan pertanian MADA. Pesawah merupakan antara golongan yang tidak mempunyai sebarang keselamatan sosial kerana aktiviti pertanian dikategorikan sebagai aktiviti tidak formal. Mereka hanya bergantung kepada sumber hasil jualan padi atau sewaan kawasan padi dan tidak mempunyai pendapatan tetap. Pertanian merupakan antara pekerjaan sektor tidak formal yang terbesar di Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017). Pembangunan SJKS khusus untuk pesawah dapat membantu mereka mengurangkan bebanan kewangan ketika di usia tua atau persaraan (Zin et al., 2001). Selain pesawah, golongan nelayan, penternak haiwan, pesawah sayur-sayuran dan mereka yang melaksanakan pekerjaan sendiri seperti peniaga pasar dan kedai juga dikategorikan sebagai pekerja sektor tidak formal dan tidak mendapat sebarang keselamatan sosial (Abd Samad & Mansor, 2013).

Negara-negara di rantau Asia telah berusaha untuk membangunkan SJKS yang khusus kepada pekerja-pekerja sektor tidak formal. Antara negara yang membangunkan SJKS kepada pekerja sektor tidak formal adalah negara China, China telah membentuk skim pencen dan insuran yang menyediakan kemudahan caruman tanpa paksaan kepada mereka yang terlibat (Williamson, Price, & Shen, 2012). Selain itu, negara India juga telah membangunkan skim pencen dan insuran kepada pekerja tidak formal (Unni & Rani, 2003). Skim yang dibangunkan di India adalah lebih khusus dan berasaskan komuniti yang dikenali sebagai Model Tabung Kebajikan kepada pekerja sektor tidak formal di Kerala mulai tahun 1969 (Mohd, 2013).

Selain daripada negara China dan India, negara-negara seperti Thailand, Sri Lanka, Vietnam, Filipina, Indonesia, Korea Selatan dan Bangladesh juga telah sedar mengenai kepentingan dan keperluan bagi menyediakan satu skim keselamatan sosial kepada pekerja-pekerja di sektor tidak formal (Mackellar, 2009). Terdapat negara yang menyediakan skim keselamatan sosial secara

khusus mengikut sektor pekerjaan tertentu dan dilaksanakan berasaskan komuniti seperti negara Thailand dan India (Ginneken, 2003). Pengkhususan ini memberikan lebih banyak peluang kepada komuniti tersebut untuk merancang dan mengurus struktur keselamatan sosial komuniti mengikut keupayaan mereka sendiri (ADB, 2012).

Dalam usaha membentuk SJKS yang khusus kepada pekerja sektor tidak formal, negara-negara di dunia telah cuba untuk mengaplikasikan konsep dan model sedia ada pencen sektor formal ke sektor tidak formal, namun usaha tersebut tidak berjaya dilaksanakan. Terdapat halangan-halangan terhadap usaha tersebut antaranya adalah berkaitan jumlah caruman yang susah untuk ditentukan berikutan kedudukan kewangan mereka yang tidak menentu dan pengurusan berhubung pelaksanaan sistem tersebut (Van Ginneken, 1999). Halangan-halangan ini juga turut dihadapi oleh pesawah di Malaysia memandangkan jumlah pendapatan mereka tidak stabil dan berdasarkan musim (Ahmad, 2007).

Berdasarkan data statistik pada tahun 2015, sebanyak 11.4 peratus daripada guna tenaga dalam sektor bukan pertanian adalah pekerja sektor tidak formal berbanding 11.2 peratus pada tahun 2013. Dari segi bilangan, guna tenaga dalam sektor tidak formal adalah 1.40 juta orang, meningkat 79,300 orang berbanding 1.32 juta orang pada tahun 2013 (Jabatan Statistik Malaysia, 2015). Berdasarkan laporan tersebut, jumlah pekerja yang terlibat dalam sektor tidak formal telah menunjukkan peningkatan. Dianggarkan bahawa KWSP hanya melindungi sebanyak 52 peratus pekerja di Malaysia. Selebihnya sebanyak 42 peratus pekerja tidak dilindungi oleh keselamatan sosial berikutan mereka bekerja di sektor tidak formal (Mohd, 2013). Menurut Mohd, (2013), pekerja-pekerja di sektor tidak formal juga bimbang mengenai perlindungan mereka ketika di usia tua. Tanpa keselamatan sosial yang mencukupi, pekerja-pekerja di sektor tidak formal akan terus terbeban dengan peningkatan kos sara hidup dan tidak mampu untuk menyara kehidupan ketika di usia persaraan atau usia tua (Zin et al., 2001). Perkara yang paling membimbangkan adalah kemungkinan mereka menjadi penyumbang kepada peningkatan kadar kemiskinan (Baharudin et al., 2006).

Sehubungan dengan itu, bagi mencapai hasrat untuk mewujudkan SJKS dalam kalangan pesawah dan meningkatkan kualiti hidup mereka dari segi ekonomi dan sosial, pihak yang terlibat perlu memastikan keperluan pesawah berdasarkan Teori Maslow dipenuhi terlebih dahulu bagi menarik minat pesawah untuk menyertai SJKS. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mendapat maklumat deskriptif mengenai kesediaan pesawah untuk mencarum dalam SJKS berdasarkan keperluan Teori Maslow. Kajian ini meneliti sama ada pesawah akan mencarum dalam SJKS sekiranya telah memenuhi keperluan berdasarkan Teori Maslow. Kajian ini juga merupakan kajian penerokaan (*exploratory*).

1.2 Penyataan Masalah

Kajian ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan iaitu bagi menyediakan suatu SJKS khusus dan komprehensif kepada pesawah dan menjaga kebajikan mereka. Kajian ini dapat membantu Kerajaan mendapat maklumat awal mengenai keperluan SJKS terhadap pesawah sebelum skim tersebut dilaksanakan sepenuhnya.

Di Malaysia, pekerja di sektor tidak formal tidak diberikan perlindungan seperti pekerja di sektor formal. Walau bagaimanapun, Malaysia mempunyai skim-skim perlindungan swasta yang menyediakan kemudahan keselamatan sosial terbuka kepada pekerja di sektor formal dan sektor tidak formal. Antara skim tersebut adalah Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia (SSP1M) dan Skim Pencen Swasta (PRS) (Mansor, Fakhрина dan Rashid, 2016). Namun, kedua-dua skim tersebut menetapkan nilai caruman tertentu iaitu sebanyak RM50 sebulan. Penetapan nilai caruman ini secara tidak langsung akan membebankan pekerja tidak formal terutamanya pesawah kerana mereka mempunyai pendapatan tidak menentu (Zaharah Jamaluddin dan Yuen Wah, 2013). Selain itu, negara-negara di rantau Asia seperti India, China, Thailand dan lain-lain telah memperkenalkan SJKS kepada pekerja sektor tidak formal (MacKellar, 2009). Sekiranya Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan SJKS di Malaysia dalam masa terdekat, bagaimanakah tahap kesediaan pesawah untuk mencarum dalam skim tersebut?.

Kesejahteraan hidup pesawah adalah suatu perkara penting dan ianya antara lain bergantung kepada keperluan-keperluan sosial dalam persekitaran mereka. Menurut Yusof et al., (2013), hasil kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa tingkat kesejahteraan pesawah di kawasan MADA adalah bergantung kepada keperluan sosial seperti pendapatan, persekitaran kerja, perumahan, komunikasi, kesihatan dan kehidupan. Keperluan-keperluan ini mempunyai persamaan dengan keperluan yang dinyatakan oleh Teori Maslow. Kajian tersebut juga mendapati bahawa tingkat kesejahteraan hidup pesawah di MADA berdasarkan keperluan tersebut meningkat dengan ketara setiap tahun dan peningkatan ini secara tidak langsung mempengaruhi halatuju kehidupan mereka. Persoalannya, adakah pesawah di MADA telah memenuhi keperluan berdasarkan Teori Maslow bagi membolehkan mereka menerima SJKS?.

Golongan pesawah menerima pendapatan yang sangat terhad. Berdasarkan kepada Kertas Strategi Agromakanan UPE JPM, (2015), purata pendapatan pesawah adalah diantara RM835 hingga RM1,550 sebulan. Dengan jumlah pendapatan tersebut, pesawah perlu membuat perancangan kewangan dan simpanan sendiri kerana mereka tidak dilindungi oleh skim simpanan di hari tua. Pendapatan golongan pesawah adalah tidak terjamin kerana mereka terdedah kepada pelbagai risiko. Pesawah juga tidak dapat meramalkan masa depan perbelanjaan dan pendapatan mereka dan perkara ini menyebabkan pesawah membuat pinjaman untuk menampung kehidupan seharian (Yusof et al., 2013).

Persoalannya, adakah pendapatan isi rumah pesawah mempengaruhi mereka untuk mencarum dalam SJKS?.

Menurut Man & Sadiya, (2009), aktiviti pesawah didominasi oleh golongan lelaki berbanding wanita mungkin kerana minat, merupakan aktiviti keluarga atau disebabkan pesawah kurang berpendidikan. Selain itu, berdasarkan Laporan Tahunan MADA pada 2016, pesawah yang berumur kurang daripada 50 tahun tidak menunjukkan minat terhadap aktiviti tersebut dan kebanyakan pesawah terdiri daripada umur 50 tahun dan ke atas. Persoalannya, adakah jantina dan umur pesawah mempengaruhi mereka untuk mencarum dalam SJKS?

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada tahun 2019 telah membangunkan Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 di mana salah satu halatuju strategi dalam dasar tersebut adalah untuk meningkat aksesibiliti kepada SJKS penduduk luar bandar. Pewujudan dasar tersebut menunjukkan bahawa pihak Kerajaan Malaysia sedang berusaha untuk menyediakan suatu rancangan keselamatan sosial kepada penduduk-penduduk luar bandar (B40) di Malaysia bagi menambah baik tahap kesejahteraan mereka. Pengenalan SJKS ini secara tidak langsung meliputi mereka yang terlibat dalam sektor tidak formal dan merangkumi pesawah. Namun, bagaimanakah bentuk SJKS yang diperlukan oleh pesawah?.

1.3 Persoalan Kajian

Bagi mendapatkan maklumat mengenai kesediaan pesawah untuk mencarum dalam SJKS, kajian ini memberi fokus kepada persoalan-persoalan berikut:

- i. Bagaimanakah tahap kesediaan pesawah untuk mencarum dalam SJKS?;
- ii. Adakah terdapat perhubungan diantara keperluan berdasarkan Teori Maslow dengan kesediaan pesawah untuk mencarum dalam SJKS?;
- iii. Adakah terdapat perbezaan diantara latar belakang sosiodemografi terpilih (jantina, umur dan pendapatan isi rumah) dengan kesediaan pesawah untuk mencarum dalam SJKS?; dan
- iv. Bagaimanakah bentuk SJKS yang diperlukan oleh pesawah?.

1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Objektif Umum

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesediaan pesawah untuk mencarum dalam SJKS dengan mengambil kira semua keperluan berdasarkan Teori Maslow telah dipenuhi.

1.4.2 Objektif Khusus

Objektif khusus kajian pula adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti tahap kesediaan pesawah untuk mencarum dalam SJKS;
- ii. Mengenalpasti hubungan diantara keperluan berdasarkan Teori Maslow dengan kesediaan pesawah untuk mencarum dalam SJKS;
- iii. Mengenalpasti perbezaan diantara latar belakang sosiodemografi terpilih (jantina, umur dan pendapatan isi rumah) dengan kesediaan pesawah untuk mencarum dalam SJKS; dan
- iv. Mengenalpasti bentuk SJKS yang diperlukan oleh pesawah.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama adalah sumbangan dapatan kajian kepada penambahan ilmu dalam bidang yang dikaji. Dapatan kajian ini secara tidak langsung menjadi ilmu baharu serta bahan rujukan kepada pihak Kerajaan dan swasta bagi mewujudkan SJKS yang sesuai berasaskan komuniti kepada pekerja sektor tidak formal di Malaysia khususnya melibatkan pesawah. Pihak Kerajaan terutamanya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dapat menggunakan hasil kajian ini sebagai asas dalam merangka polisi dan dasar Kerajaan berkaitan keselamatan sosial secara lebih menyeluruh kepada pesawah. Polisi dan dasar mengenai keselamatan sosial pesawah yang komprehensif dapat membantu melindungi kehidupan pesawah serta meningkatkan taraf hidup mereka.

Kedua, kajian ini juga secara tidak langsung menambahkan koleksi ilmu pembangunan komuniti berkaitan SJKS kepada pekerja sektor tidak formal dan seterusnya mendorong pelaksanaan kajian-kajian baharu dalam bidang seumpamanya. Kajian-kajian yang akan datang juga boleh menjadikan dapatan kajian ini sebagai rujukan bagi memperkenalkan suatu model keselamatan sosial yang komprehensif kepada pesawah di MADA serta melihat aspek-aspek lain yang perlu diberikan perhatian bagi meningkatkan taraf hidup pesawah di MADA. Kajian ini juga secara tidak langsung boleh menjadi pemangkin kepada lebih banyak kajian berkaitan pekerja sektor tidak formal terutamanya dalam aspek pertanian dilaksanakan bagi melindungi mereka dalam keselamatan sosial.

1.6 Hipotesis Kajian

H_0 : Tidak terdapat perhubungan yang signifikan diantara keperluan berdasarkan Teori Maslow (fisiologi, keselamatan, sosial, penghargaan dan pencapaian diri) dengan kesediaan untuk mencarum dalam SJKS.

H_02 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara latar belakang sosiodemografi terpilih (jantina, umur dan pendapatan isi rumah) dengan kesediaan pesawah untuk mencarum.

1.7 Skop Kajian

